

Baiki guna duit sendiri

12 kenderaan rosak teruk bengkel ditenggelami air

FOTO | Khairull Azry Bidin



MALANG...Mohd Asri (kanan) dibantu anaknya membersihkan lantai bengkelnya yang dipenuhi lumpur.

dan selepas ini saya terpaksa mencari kembali modal untuk membeli barangan yang sudah rosak. Saya perlu mengambil masa lebih seminggu untuk membersihkan kembali kawasan bengkel ini.

"Saat yang paling sukar ditempuh ialah ketika ingin memberitahu pelanggan saya kereta mereka terbabat dalam banjir itu kerana ia memabatkan harta orang lain. Tetapi saya memberitahu mereka yang saya akan me-

anggung semua kerugian mereka," katanya.

Asri berkata, dia menempuhi dugaan itu dengan tabah dan akan kembali beroperasi seperti biasa selepas seluruh bengkelnya dibersihkan.



BANTU...Malik (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan.

Prolintas derma 50 kotak makanan

AMPANG: Selaras dengan tanggungjawab sosial korporatnya membantu masyarakat yang memerlukan, Prolintas Expressway Sdn Bhd, syarikat konsesi Lebuhraya Koridor Guthrie, Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LK-SA) serta Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur

(Akleh) memberikan sumbangan kepada mangsa banjir di Kampung Lembah Jaya Utara, di sini, semalam.

Ketua Pegawai Kewangannya, Malik Parvez Ahmad berkata, 50 kotak air mineral serta barangan makanan seperti biskut disumbangkan kepada mangsa.

Ada sanggup gadai nyawa



KASIHAN apabila mendengar keluhan seorang wanita warga emas berusia 86 tahun yang memaklumkan rumahnya sudah 20 kali dimasuki banjir dan setiap kali hujan menyebabkan rumahnya di Gugusan Manjoi, dekat Ipoh pasti dinaiki air.

Kebetulan saya ditugaskan membuat liputan memabatkan bencana banjir kilat yang melanda kawasan sekitar bandar raya Ipoh minggu lalu.

Saya pula baru ditugaskan ke negeri ini sejak awal Januari lalu, pastinya saat membuat liputan ini bagaikan satu pengalaman baru buat saya selepas lima tahun bertugas di meja sukan sebagai wartawan sambilan manakala di meja hiburan juga selama lima tahun sejak menyertai program kadet wartawan pada 2006.

Kali terakhir saya berdepan bencana ini iaitu sekitar lima tahun lalu di kampung halaman di Kelantan yang terkenal dengan musim hujan atau 'musim bah' hampir setiap hujung tahun.

Pelbagai ragam manusia dapat dilihat daripada mangsa banjir sehingga rakan setugas masing-masing dengan gaya dan cara tersendiri bagi mendapatkan laporan terbaik.

Ada di antara kami yang meredah air sedalam paras pinggang untuk mendapatkan reaksi dan temubual

bersama mangsa banjir walaupun ada di antara rakan media berpakaian kemas dan berkasut berjenama.

Saya dapat melihat bagaimana suasana dan gelagat cemas penduduk di Manjoi iaitu antara kawasan yang terjejas teruk akibat banjir.

Ada yang sanggup menggadaikan nyawa sendiri semata-mata mahu menjaga barang dan rumah kediaman masing-masing dengan tidak mahu meninggalkan kediaman.

Malah, mereka enggan memberi kerjasama ketika operasi menyelamatkan serta memindahkan mangsa banjir dilakukan oleh anggota bomba dan penyelamat.

Ada pula di antara mereka yang mendahulukan binatang peliharaan kesayangan masing-masing daripada harta benda.

Keadaan cuaca yang tidak menentu sejak kebelakangan ini dengan beberapa bandar besar termasuk Kuala Lumpur turut dilanda banjir kilat tambah membimbangkan lagi beribu penduduk di sekitar Manjoi.

Boleh dikatakan masalah banjir berlaku disebabkan sikap masyarakat itu sendiri yang membuang sampah sarap ke sungai menyebabkan sistem perparitan tidak terurus mengakibatkan air sungai melimpah sehingga mengalir ke kawasan kediaman penduduk.

Malah, alat amaran banjir yang dipasang di beberapa kawasan seolah-olah sebagai barang perhiasan semata-mata apabila gagal berfungsi sepenuhnya. - **Wan Asrudi Wan Hasan**

Sukarelawan turut hulur bantuan

KUALA LUMPUR: Kerajaan Persekutuan bersedia memberikan bantuan kepada semua mangsa banjir termasuk kelengkapan persekolahan, makanan dan kerja pembersihan rumah oleh sukarelawan yang akan ditugaskan di kawasan berkenaan.

Ketua Umno Bahagian Ampang, Datuk Ismail Kijo berkata, masalah yang dihadapi penduduk ini akan diselesaikan secepat mungkin supaya mereka dapat kembali menginap di rumah seperti biasa.

Katanya, pihaknya meminta Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU) melaksanakan pembinaan segera sebuah jambatan baru di Kampung Lembah Jaya Utara yang runtuh akibat banjir itu dan kerja pembinaan dijangka mengambil masa antara dua hingga tiga bulan.

"Kami akan memberikan pelbagai bantuan kepada



BERSEMANGAT...sebahagian daripada 15 sukarelawan Media Prima dan NSTP bergotong-royong membersihkan Surau Al-Ehsan Kampung Sungai Serai, Hulu Langat.

penduduk supaya dapat meringankan beban ditanggung mereka," katanya ketika mengiringi lawatan Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Shafie Abdullah ke kawasan berkenaan, pagi semalam.

Sementara itu, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Lumpur akan memasang tiga pagar

baru di Rumah Pam Kampung Pasir Baru melalui Sistem Kawalan Injap Automatik.

Katanya, ia bertujuan menahan pergerakan air melebihi paras ditetapkan di kawasan itu.